

**KAJIAN TAHAP AMALAN GURU BESAR DAN PENOLONG KANAN SELEPAS
MENGHADIRI KURSUS MEMANTAU PENCAPAIAN MURID.**

Wan Zakiah bt Wan Omar

Hajar binti Muhamad

Zauyati binti Zainal Mohamed Alias

Wong Kwai Cheng

Mastura bt Ahmad

Nik Karimah bt Nik Hassan

Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum

Institut Aminuddin Baki

Kementerian Pendidikan Malaysia

KAJIAN MENILAI KEBERKESANAN KURSUS MEMANTAU PENCAPAIAN MURID YANG DIHADIRI OLEH GURU BESAR DAN GURU PENOLONG KANAN

ABSTRAK

Kursus Memantau Pencapaian Murid (KMPM) bertujuan untuk meningkatkan ketrampilan pemimpin sekolah dalam aspek pengetahuan dan juga kemahiran mengenal pasti kelemahan murid. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan KMPM dalam kalangan pemimpin sekolah rendah seterusnya membuat pembetulan dan penambahbaikan yang sewajarnya. Kursus KMPM dihadiri seramai 216 orang pemimpin sekolah rendah. Namun hanya 110 orang peserta sahaja dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Soal selidik telah diguna sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan responden memberikan reaksi yang tinggi (min = 4.42, s.p. = 0.64) terhadap reka bentuk kursus dan penyampaian pensyarah. Secara keseluruhannya sebelum menghadiri KMPM, tahap pengetahuan dan pemahaman responden berada pada tahap sederhana (min = 3.40) dan meningkat ke tahap sangat tinggi (min = 4.41) selepas menghadiri kursus. Kemahiran sendiri responden sebelum menghadiri KMPM berada pada tahap sederhana (min = 3.40, s.p. = 0.69), dan meningkat ke tahap sangat tinggi (min = 4.40, s.p. = 0.50) selepas menghadiri kursus. Dapatan kajian menunjukkan antara kekuatan kursus adalah kandungan kursus yang menepati matlamat dan kaedah penyampaian ceramah jelas dan mudah difahami. Hasil kajian menunjukkan kursus ini telah dapat membantu pemimpin sekolah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan memantau pencapaian murid.

ISI KANDUNGAN

		Muka surat
Abstrak	Tajuk	i
1	Pengenalan	1
2	Masalah Kajian	2
3	Justifikasi Masalah	3
4	Sasaran	3
5	Objektif Kajian	3
6	Soalan Kajian	3
7	Skop kajian	4
8	Metodologi	4-5
9	Tinjauan literature	6-8
10	Anggaran Implikasi kewangan	8
11	Tatacara penganalisaan data	9-10
12	Laporan dapatan kajian	
	A. Demografi	11-14
	B. Dapatan Kajian Kuantitatif	15-22
	C. Analisis Soalan Terbuka	23-27
13	Rumusan dan Cadangan	28-29
	Rujukan	

BAHAGIAN A

Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan Kursus Memantau Pencapaian Murid (KPMP) dalam kalangan pemimpin sekolah rendah. Pemimpin sekolah rendah terdiri daripada guru besar dan penolong kanan sekolah rendah. Kursus Memantau Pencapaian Murid ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum sebanyak lapan kali pada tahun 2012. Sasaran peserta adalah guru besar dan penolong kanan sekolah rendah di Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Selangor. Kehadiran peserta adalah 240 orang. Walau bagaimanapun, sebelum kursus ini dilaksanakan, kursus rintis telah dijalankan bagi 92 orang guru besar dan penolong kanan sekolah-sekolah negeri Pahang pada tahun 2011. Untuk tujuan kajian ini, hanya peserta daripada tujuh kursus yang telah melepasi tempoh tiga bulan selepas berkursus sahaja dipilih menjadi sampel kajian seperti yang telah disarankan oleh Kirkpatrick (1987).

Secara umumnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memenuhi kehendak *National Key Result Area* (NKRA, 2009) menuntut pemimpin sekolah untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Sehubungan itu, pencapaian semua sekolah dinilai taraf mengikut prestasi tahunan berdasarkan kepada markah komposit. Markah komposit ini terdiri daripada Gred Purata Sekolah (GPS) berasaskan prestasi sekolah dalam peperiksaan awam dan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran. Bagi meningkatkan GPS, pemimpin sekolah perlu memantau pencapaian murid melalui *Headcount*. *Headcount* adalah salah satu kaedah memantau pencapaian murid yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2006.

Berdasarkan Indeks Latihan dan Pembangunan Pemimpin Sekolah (KOMPAS) pada tahun 2010, indeks kompetensi berorientasikan pencapaian dalam kalangan pengetua dan guru besar menunjukkan keperluan kompetensi yang kritikal (3.54). Justeru, adalah amat kritikal agar latihan dan pembangunan kompetensi bidang ini dijalankan dalam kalangan pemimpin sekolah di Malaysia. Untuk memenuhi keperluan ini, Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum memperkenalkan

satu kursus yang bertajuk 'Kursus Memantau Pencapaian Murid' (KMPM). Kandungan kursus ini merangkumi pendedahan kepada konsep asas *headcount* serta lain-lain data yang berkait dengan pencapaian murid. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan keterampilan pemimpin sekolah dalam aspek memantau pencapaian akademik murid yang membolehkan mereka mengenal pasti kelemahan murid dan mengambil langkah-langkah pembetulan dan penambahbaikan yang sewajarnya. Selain daripada itu, kursus ini juga turut menyediakan kemahiran untuk merancang pelan tindakan peningkatan prestasi akademik murid berdasarkan data pencapaian di sekolah.

Masalah Kajian

Program ini telah dirangka dengan mengambil kira keperluan semasa Guru Besar selaku pemimpin instruksional sekolah. Pengetahuan dan kemahiran dalam hal-hal berkaitan dengan pengurusan kurikulum di sekolah adalah antara perkara yang perlu dikuasai oleh mereka dalam usaha meningkatkan prestasi pencapaian anak-anak murid di bawah seliaan mereka. Keupayaan membuat keputusan dan tindakan susulan berdasarkan data pencapaian murid-murid yang diperoleh melalui penilaian yang diadakan adalah penting bagi seseorang pemimpin instruksional agar tepat dan bersesuaian dengan keperluan murid-murid. KMPM telah dirangka dengan mengambil kira program *headcount* yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan memberi fokus yang lebih realistik terhadap murid berdasarkan potensi yang ada pada setiap murid.

Isu penting yang berbangkit adalah sejauh manakah Kursus Memantau Pencapaian Murid (KMPM) telah berjaya mencapai matlamatnya. Keberkesanan kursus perlu dilihat dari tiga aspek berikut:

1. Sejauh manakah KMPM yang telah dilaksanakan menguatkan kefahaman peserta kursus mengenai pengurusan memantau pencapaian murid?
2. Sejauh manakah KMPM dapat membantu peserta kursus melaksanakan tugas mereka di sekolah?
3. Sejauh manakah KMPM dapat melengkapi peserta kursus dengan pengetahuan supaya dapat diaplikasikan semasa menjalankan tugas mereka?

Justifikasi Masalah

Langkah menilai prestasi keberkesanan kursus perlu dilaksanakan bagi memperoleh maklum balas sama ada objektif kursus tercapai seperti yang disasarkan. Sebaliknya jika tidak tercapai, maklum balas daripada kajian ini boleh dijadikan panduan bagi tujuan penambahbaikan.

Kumpulan Sasaran

Seramai 110 orang Guru Besar dan Guru Penolong Kanan sekolah rendah di Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Selangor yang telah mengikuti kursus Memantau Pencapaian Murid (KMPM) pada tahun 2012.

Objektif Kajian

Objektif umum

Objektif kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan KMPM anjuran Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum dari aspek pencapaian objektifnya dan mengenal pasti sumbangan kursus ini kepada Guru Besar dan Penolong Kanan selaku pemimpin instruksional di sekolah.

Objektif Kajian

1. Mengetahui maklum balas peserta terhadap pengendalian KMPM
2. Mengenal pasti sama ada KMPM dapat membantu peserta kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan KMPM.
3. Mengenal pasti sama ada KMPM dapat membantu peserta kursus meningkatkan kemahiran sendiri dalam amalan pengurusan KMPM.
4. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan KMPM
5. Memberi cadangan penambahbaikan KMPM.

Soalan Kajian

1. Apakah maklum balas peserta terhadap pengendalian KMPM?
2. Sejauh manakah KMPM dapat membantu peserta kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam memantau pencapaian murid?
3. Sejauh manakah KMPM dapat membantu peserta kursus meningkatkan kemahiran sendiri dalam amalan memantau pencapaian murid?
4. Apakah kekuatan dan kelemahan KMPM?
5. Apakah cadangan penambahbaikan KMPM?

Skop Kajian

Kajian ini mempunyai skop dan limitasi seperti berikut:

- i. KMPM adalah kursus yang dirintis pada tahun 2011.
- ii. Populasi kajian adalah peserta-peserta KMPM bagi tahun 2012
- iii. Keberkesanan KMPM dikaji dari aspek peningkatan pemahaman dan kemahiran serta keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran di tempat tugas masing-masing.

BAHAGIAN B

Kajian Literatur

Latihan berterusan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan merupakan satu usaha yang disediakan oleh Institut Aminuddin Baki bagi membantu pemimpin meningkatkan kecekapan mengurus sekolah masing-masing. Sebagai pemimpin sekolah, mereka seharusnya sentiasa membuat refleksi terhadap gaya pengurusan masing-masing kerana pengurusan bukanlah sesuatu yang statik. Gaya serta fokus pengurusan juga telah banyak berubah mengikut kehendak semasa. Contohnya, membuat keputusan berlandaskan data (*data driven decision making*) adalah antara

amalan terkini yang telah disebut sebagai “*mantra of educators from the central office, to the school, to the classroom*” (Marsh, et al., 2006: ms 1). Di peringkat Kementerian Pendidikan, data dalam bentuk gred purata sekolah (GPS) telah digunakan dalam penganugerahan Bai’ah. Di samping itu, data dalam bentuk *key performance indicator* (KPI) juga digunakan untuk menilai sasaran dari peringkat Kementerian Pendidikan sehinggalah ke peringkat bilik darjah. Data dijadikan maklumat asas dalam membantu meningkatkan pencapaian murid serta sebagai evidens penentuan akauntabiliti pemimpin sekolah.

Justeru, seorang pemimpin instruksional dituntut untuk membuat keputusan bersandarkan data yang diperolehi sama ada dalam bentuk formal atau informal. Kemahiran ini perlu ada pada seseorang pemimpin instruksional agar mereka berupaya menterjemahkan peranan utama untuk mencemerlangkan pencapaian sekolah (Douglas dan Rice, 2002).

Program Latihan Bagi Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Pemimpin Sekolah

Dalam merangka latihan yang sesuai, seharusnya analisis keperluan (*need analysis*) di jalankan terlebih dahulu tetapi ini bukanlah jaminan bahawa analisis keperluan ini telah dapat memberikan maklumat sepenuhnya. McCoy (1993) berpendapat bahawa kaedah menjalankan analisis keperluan juga mempengaruhi kualiti maklumat yang diperolehi. Contohnya, kaedah mengumpulkan maklumat melalui borang soal selidik memang satu cara yang sangat mudah dan cepat tetapi kadangkala maklumat yang dikumpul tidak tepat kerana soalan menghadkan jenis respon.

Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum telah menjalankan analisis keperluan dengan menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas tentang tahap pengetahuan dan kemahiran pemimpin dalam memantau pencapaian murid pada tahun 2010. Hasil daripada maklum balas yang diterima, kursus Memantau Pencapaian Murid telah diperkenalkan pada tahun 2011. Fokus utama kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pemimpin sekolah dalam memantau pencapaian murid. Pemimpin sekolah didedahkan dengan


konsep *headcount*, iaitu satu kaedah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2006 sebagai kaedah memantau pencapaian murid di semua sekolah di Malaysia. Sebagai seorang pemimpin instruksional, penglibatan secara langsung dalam membuat keputusan berdasarkan data pencapaian murid adalah dilihat sebagai perkara yang perlu diberikan keutamaan.

Penilaian Program – Model Penilaian Latihan

Keberkesanan sesuatu program latihan yang dijalankan bukanlah satu perkara yang mudah diukur dengan efektif. Endres dan Kleiner (1990) telah melaporkan bahawa pengukuran keberkesanan latihan meliputi penilaian terhadap reaksi emosi dan penambahan pengetahuan oleh peserta selepas mengikuti kursus. Menurut Stufflebeam (2002), terdapat sekurang-kurangnya empat soalan yang perlu diambil kira seperti berikut:

1. Apakah yang perlu dilakukan?
2. Bagaimanakah ia harus dilakukan?
3. Adakah ia dilakukan?
4. Adakah ia berjaya?

Pada tahun 1960-an, Model CIPP telah dibangunkan oleh Stufflebeam. Ia bertujuan untuk meningkatkan pencapaian akauntabiliti dalam pengaturcaraan pendidikan melalui pendekatan "pembelajaran dengan perlakuan" *"learning-by-doing" approach* (Zhang et al., 2011).



Rajah 1: Model Penilaian CIPP Stufflebeam

Tahap 1: Penilaian Konteks

Peringkat penilaian konteks Model CIPP dalam Rajah 1 memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai sesuatu program (Mertens dan Wilson, 2012). Penilaian konteks juga mengenal pasti iklim politik yang mungkin mempengaruhi kejayaan program itu. Untuk mencapai matlamat ini, penilai menyusun dan menilai maklumat latar belakang dan menemuduga pemimpin-pemimpin program dan pihak yang berkepentingan. Pengumpulan data boleh menggunakan pelbagai format termasuklah kedua-dua cara formatif dan sumatif. Antaranya termasuklah, analisis persekitaran dokumen sedia ada, memprofilkan program, temubual kajian kes, dan temu bual pihak berkepentingan (Mertens dan Wilson, 2012).

Tahap 2: Penilaian Input

Pada peringkat penilaian input, maklumat berkaitan misi, matlamat, dan rancangan program dikumpul. Tujuannya adalah untuk menilai strategi, merit dan perancangan program ini berbanding penyelidikan, respons program dengan keperluan pelanggan. (Mertens & Wilson, 2012).


Tahap 3: Penilaian Proses

Peringkat penilaian proses melibatkan proses menyiasat kualiti pelaksanaan program. Pada peringkat ini, aktiviti-aktiviti program dipantau, didokumentasikan dan dinilai oleh penilai (Fitzpatrick et al., 2011; Mertens dan Wilson, 2012). Objektif utama peringkat ini adalah untuk memberi maklum balas tentang sejauhmana aktiviti yang dirancang dijalankan, panduan kakitangan tentang bagaimana untuk mengubahsuai dan memperbaiki rancangan program, dan menilai sejauhmana peserta boleh menjalankan tugas mereka (Sufflebeam, 2003).

Tahap 4: Penilaian Hasil/ Produk

Penilaian produk menilai kesan-kesan positif dan negatif program kepada kumpulan sasaran (Mertens dan Wilson, 2012). Menurut Stufflebeam (2003), penilaian dibuat terhadap *outcome yang diinginkan (intended outcome)* dan tidak diinginkan (*unintended outcome*). Kedua-dua hasil dinilai dalam jangka masa pendek dan jangka panjang.

Sementara itu, Donald L.Kirkpatrick (2003) telah melakarkan empat tahap penilaian dalam Model Penilaiannya terhadap impak latihan.



Rajah 1: Model Penilaian Empat Tahap oleh Kirkpatrick


Menurut Kirkpatrick, reaksi peserta adalah tahap yang selalu dilalui oleh mereka. Ianya merangkumi kepuasan peserta terhadap kandungan kursus, persembahan serta relevannya dengan tugas mereka. Jika di kaitkan dengan amalan di Institut Aminuddin Baki, kepuasan ini di perolehi melalui borang penilaian BK9 yang perlu diisi oleh semua peserta diakhir kursus. Tahap pertama ini merupakan impak pertama apabila selesai sesuatu kursus. Tahap kedua, iaitu pembelajaran ini


selalunya dilakukan pre-test sebelum mengikuti latihan serta post-test selepas latihan untuk menilai sejauh pembelajaran telah berlaku semasa latihan. Penilaian pada peringkat ini sebenarnya tidak terhad kepada ujian bentuk kertas tetapi boleh dilakukan melalui pemerhatian dan maklumbalas daripada rakan sejawat, ketua atau pun daripada pihak lain yang terlibat secara langsung.

Penilaian tahap tiga cuba menjawab persoalan samada apa yang dipelajari diaplikasikan semasa bertugas. Penilaian ni selalunya dijalankan pada jarak masa antara tiga hingga enam bulan selepas latihan. Penilaian tahap ini dikatakan adalah yang paling berkesan untuk melihat keberkesanan program latihan. Maklumat boleh diperolehi samada melalui borang kaji selidek ,temubual,maklumbalas daripada pihak lain ataupun dikumpul semula kumpulan yang telah melalui latihan tersebut untuk perkongsian pengalaman aplikasi ditempat bertugas masing-masing (Susan Croes, 2005) Walaupun demikian disebabkan faktor kos dan masa, kebanyakan organisasi tidak menjalankannya.

Tahap empat adalah tahap penilaian yang sukar dinilai dan dihubungkan dengan latihan kerana sejauhmanakah latihan yang diterima menyebabkan perubahan ataupun peningkatan dalam keputusan di sekolah?

Bagi tujuan menjalankan kajian impak ini, Model Kirkpatrick akan digunakan dan fokus penilaian akan bertumpu kepada tahap satu sehingga tahap tiga sahaja. Sementara itu, Donald L.Kirkpatrick (2003) telah melakarkan empat tahap penilaian dalam Model Penilaiannya terhadap impak latihan.





Rajah 1: Model Penilaian Empat Tahap oleh Kirkpatrick

Menurut Kirkpatrick, reaksi peserta adalah tahap yang selalu dilalui oleh mereka. Ianya merangkumi kepuasan peserta terhadap kandungan kursus, persembahan serta relevannya dengan tugas mereka. Jika di kaitkan dengan amalan di Institut Aminuddin Baki, kepuasan ini di perolehi melalui borang penilaian BK9 yang perlu diisi oleh semua peserta diakhir kursus. Tahap pertama ini merupakan impak pertama apabila selesai sesuatu kursus. Tahap kedua, iaitu pembelajaran ini selalunya dilakukan pre-test sebelum mengikuti latihan serta post-test selepas latihan untuk menilai sejauh pembelajaran telah berlaku semasa latihan. Penilaian pada peringkat ini sebenarnya tidak terhad kepada ujian bentuk kertas tetapi boleh dilakukan melalui pemerhatian dan maklumbalas daripada rakan sejawat, ketua atau pun daripada pihak lain yang terlibat secara langsung.

Penilaian tahap tiga cuba menjawab persoalan samada apa yang dipelajari diaplikasikan semasa bertugas. Penilaian ni selalunya dijalankan pada jarak masa antara tiga hingga enam bulan selepas latihan. Penilaian tahap ini dikatakan adalah yang paling berkesan untuk melihat keberkesanan program latihan. Maklumat boleh diperolehi samada melalui borang kaji selidek ,temubual,maklumbalas daripada pihak lain ataupun dikumpul semula kumpulan yang telah melalui latihan tersebut untuk perkongsian pengalaman aplikasi ditempat bertugas masing-masing (Susan Croes, 2005) Walaupun demikian disebabkan faktor kos dan masa, kebanyakan organisasi tidak menjalankannya.

Tahap empat adalah tahap penilaian yang sukar dinilai dan dihubungkan dengan latihan kerana sejauhmanakah latihan yang diterima menyebabkan perubahan ataupun peningkatan dalam keputusan di sekolah?

Bagi tujuan menjalankan kajian impak ini, fokus penilaian akan bertumpu kepada tahap satu sehingga tahap tiga sahaja.

BAHAGIAN C

Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi peserta terhadap keberkesanan KMPM

i. **Persampelan**

Sampel kajian terdiri daripada 110 orang peserta (50.93%) daripada 240 orang pemimpin sekolah rendah yang telah menghadiri KMPM anjuran Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum sepanjang tahun 2012.

ii. **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian dibina berdasarkan objektif KMPM. Instrumen terdiri daripada soal selidik yang merangkumi tiga bahagian iaitu A, B dan C. Bahagian A merangkumi item-item yang berkaitan dengan demografi responden, jawatan dan gred sekolah. Bahagian B pula merangkumi item-item soalan hujung tertutup yang menggunakan Skala Likert lima pemeringkatan (Skala Likert). Item-item dalam bahagian ini terdiri daripada tiga kategori iaitu: Reaksi, Pengetahuan dan Kefahaman, serta Kemahiran Kendiri. Item-item dalam kategori Pengetahuan dan Kefahaman serta Kemahiran Kendiri menjelaskan keadaan sebelum dan selepas peserta mengikuti KMPM.

Bahagian C merangkumi soalan-soalan hujung terbuka yang terdiri daripada empat item. Item-item ini berkait dengan kekuatan kursus serta cadangan penambahbaikan terhadap kandungan, aktiviti, dan penyampaian kursus.

iii. **Kaedah pengumpulan data**

Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik dan temubual bersemuka. Sebahagian borang soal selidik telah ditadbir pada akhir kursus dan sebahagian lagi ditadbir dengan bantuan Pejabat Pendidikan Daerah di empat buah negeri yang terlibat. Sebanyak 240 set borang soal selidik telah diagihkan mengikut taburan peserta. Pengkaji juga telah ke sekolah-sekolah untuk mentadbir borang soal selidik dan untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang pelaksanaan pemantauan pencapaian murid.

iv. Kaedah menganalisis data

Kajian ini menggunakan kaedah analisis data secara kuantitatif. Perisian SPSS 11.0 telah digunakan untuk menganalisis data kuantitatif dengan mengenal pasti kekerapan dan peratusan untuk memperoleh maklumat-maklumat maklum balas yang terkumpul dengan lebih terperinci.

Item-item bahagian A dianalisis menggunakan statistik kekerapan, min dan peratusan. Item-item bahagian B dianalisis menggunakan *Paired Sampel t-test*. Analisis ini bertujuan membandingkan perbezaan bagi aspek pengetahuan, kefahaman dan kemahiran sendiri, sebelum dan selepas menghadiri KMPM. Interpretasi skor min yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skor Min dan interpretasinya

Skor min	Interpretasi (tahap)
1.00 - 1.89	Sangat Rendah
1.90 - 2.69	Rendah
2.70 - 3.49	Sederhana
3.50 - 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: BPPDP (2005)

Soalan hujung terbuka dalam Bahagian C dianalisis secara manual dengan memberi tema-tema khusus yang sesuai dengan objektif kajian.

BAHAGIAN D

Dapatan Kajian

Laporan dapatan kajian ini dilakukan berdasarkan maklum balas soal selidik yang dikembalikan dengan lengkap oleh peserta-peserta tentang keberkesanan KMPM yang dianjurkan oleh Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum setelah menghadiri kursus tersebut. Dapatan ini dilaporkan dalam tiga bahagian utama iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A adalah berkaitan dengan demografi kajian yang dijalankan. Bahagian B adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang dianalisis secara kuantitatif menggunakan SPSS version 11.0 yang berfokus kepada aspek reaksi, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran sendiri responden sebelum dan selepas kursus. Bahagian C menganalisis soalan terbuka termasuklah kekuatan kursus serta cadangan penambahbaikan kursus dari aspek kandungan kursus, aktiviti kursus serta penyampaian kursus.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Jantina dan Jawatan

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	37	33.6
Perempuan	73	66.4
Jumlah	110	100

Berdasarkan Jadual 2, peratus responden lelaki adalah 33.6% (37 orang) dan peratus responden perempuan adalah 66.4% (73 orang).

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Jawatan

Jawatan	Bilangan	Peratus (%)
Guru Besar Cemerlang	4	3.6
Guru Besar	23	20.9
Penolong Kanan	82	74.5
Lain-lain	1	0.9
Jumlah	110	100

Jadual 3 menunjukkan taburan jawatan yang disandang oleh responden. 3.6% (4 orang) adalah Guru Besar Cemerlang, 20.9% (23 orang) adalah Guru Besar, 74.5% (82 orang) adalah Penolong Kanan dan 0.9% (1 orang) adalah dari lain-lain jawatan.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus (%)
< 35 tahun	9	8.2
36 – 45	20	18.2
46 – 50	20	18.2
50 tahun >	61	45.5
Jumlah	110	100

Jadual 4 menunjukkan 8.2% (9 orang) responden berumur kurang daripada 35 tahun, 18.2% (20 orang) dalam kategori umur 36-45 tahun, 18.2% (20 orang) dalam kategori umur 46- 50 tahun, dan 45.5% (61 orang) tergolong dalam kategori umur melebihi 50 tahun.

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Pengalaman dalam Jawatan Disandang

Pengalaman	Bilangan	Peratus(%)
< 1 tahun	5	4.5
1 – 5 tahun	54	49.1
6 – 10 tahun	25	22.7
11 – 15 tahun	9	8.2
15 tahun >	17	15.5

Jadual 5 menunjukkan pengalaman menyandang jawatan semasa. 4.5% (5 orang) responden mempunyai pengalaman kurang dari 1 tahun, 49.1% (54 orang) mempunyai pengalaman antara 1-5 tahun, 22.7 % (25 orang) 6-10 tahun, 8.2% (9 orang) 11-15 tahun, dan 15.5% (17 orang) berpengalaman lebih 15 tahun.

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah

Jenis sekolah	Bilangan	Peratus (%)
SK	76	69.1
SJKC	18	16.4
SJKT	16	14.5
Jumlah	110	100.00

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut jenis sekolah. 69.1% (76 orang) bertugas di SK, 16.4% (18 orang) di SJKC, dan 14.5% (16 orang) di SJKT.

Jadual 7: Taburan Responden Mengikut Lokasi

Lokasi Sekolah	Bilangan	Peratus (%)
Bandar	31	28.2
Luar Bandar	78	70.9
Pendalaman	1	0.9
Jumlah	110	100.00

Jadual 7 menunjukkan taburan responden dari aspek lokasi sekolah. 28.2% (31 buah sekolah) terletak di bandar, 70.9 % (78 buah sekolah) terletak di luar Bandar, dan 0.9 % (1 buah sekolah) terletak di kawasan pedalaman.

Jadual 8: Taburan Responden Mengikut Gred Sekolah

Kategori sekolah	Bilangan	Peratus (%)
Gred A	62	56.4
Gred B	37	33.6
SKM	11	10.0
Jumlah	110	100.00

Jadual 8 menunjukkan taburan responden mengikut gred sekolah. 56.4% (62 buah sekolah) responden berkhidmat di sekolah Gred A, 33.6% responden berkhidmat di sekolah Gred B (37 buah sekolah) dan 10% (11 buah sekolah) responden berkhidmat di Sekolah Kurang Murid.

Jadual 9: Taburan Responden Mengikut Negeri

Negeri	Bilangan	Peratus (%)
Negeri Sembilan	19	17.3
Selangor	60	54.5
Pahang	16	14.5
Wilayah Persekutuan KL	15	13.6
Jumlah	110	100.00

Jadual 9 menunjukkan taburan responden mengikut lokasi. 17.3% (19 buah sekolah) responden adalah dari Negeri Sembilan, 54.5 % (60 buah) responden adalah dari negeri Selangor, 14.5 % (16 buah) responden adalah dari Pahang, dan

13.6% (15 buah sekolah) responden adalah dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dapatan Kajian Kuantitatif

Bahagian ini meninjau tiga aspek utama kajian iaitu aspek maklum balas (reaksi) peserta terhadap kursus, aspek pengetahuan dan kefahaman sebelum dan selepas menghadiri kursus, dan aspek kemahiran sendiri sebelum dan selepas menghadiri kursus.

Objektif Kajian 1

Mengenal pasti maklum balas (reaksi) peserta terhadap pengendalian KMPM

Objektif ini mengandungi 10 item yang merangkumi objektif, bahan, topik dan aktiviti kursus. Terdapat juga item yang berkaitan dengan penyampaian pensyarah meliputi aspek-aspek pengetahuan, minat, ketrampilan, dan respons pensyarah terhadap soalan peserta. Penilaian dibuat berdasarkan persepsi peserta kursus menggunakan Skala Likert iaitu 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= tidak pasti, 4= setuju dan 5= sangat setuju.

Jadual 10: Data kajian dapatan skor min bagi maklum balas (reaksi) responden terhadap reka bentuk kursus dan penyampaian pensyarah

Perkara	Reaksi peserta kursus (n=110) (%)					min	s.p	Interpretasi min Tahap Kepuasan
	1	2	3	4	5			
Objektif kursus	1 (0.9)	1 (0.9)		51 (46.4)	57 (51.8)	4.47	0.65	Sangat Tinggi
Bahan kursus	1 (0.9)	1 (0.9)	5 (4.5)	55 (50.0)	48 (43.6)	4.35	0.70	Sangat Tinggi
Topik kursus	1 (0.9)			59 (53.6)	50 (45.5)	4.43	0.60	Sangat Tinggi
Aktiviti kursus	1 (0.9)		2 (1.8)	59 (53.8)	48 (43.6)	4.39	0.64	Sangat Tinggi
Kualiti kursus	1 (0.9)		3 (2.7)	54 (49.1)	52 (47.3)	4.42	0.64	Sangat Tinggi
Pengetahuan	1		2	32	75	4.64	0.62	Sangat Tinggi

Pensyarah	(0.9)		(1.8)	(29.1)	(68.2)			
Minat Pensyarah	1 (0.9)		2 (1.8)	26 (23.6)	81 (73.6)	4.69	0.60	Sangat Tinggi
Penyampaian Pensyarah	1 (0.9)		3 (2.7)	36 (32.7)	70 (63.6)	4.58	0.64	Sangat Tinggi
Respon pensyarah	1 (0.9)		2 (1.8)	37 (33.6)	70 (63.6)	4.59	0.63	Sangat Tinggi
Gaya pengajaran	1 (0.9)		3 (2.7)	36 (32.7)	70 (63.6)	4.58	0.64	Sangat Tinggi
Maklum balas keseluruhan	Min Keseluruhan					4.42	0.64	Sangat Tinggi

Jadual 10 menunjukkan maklum balas (reaksi) responden terhadap KMPM iaitu objektif kursus jelas (min = 4.47, s.p. = 0.65), bahan kursus disediakan dengan baik (min = 4.35, s.p. = 0.70), topik kursus disusun dengan baik (min = 4.35, s.p. = 0.70), aktiviti kursus disusun dengan baik (min = 4.42, s.p. = 0.64). Pada keseluruhannya, responden sangat berpuas hati terhadap rekabentuk kursus (min = 4.42, s.p. = 0.64).

Peserta kursus sangat berpuas hati dengan penyampaian pensyarah. Maklum balas peserta menunjukkan bahawa pensyarah telah mempamerkan pengetahuan yang tinggi dalam penguasaan isi kandungan kursus (min = 4.64, s.p. = 0.62), pensyarah mempunyai minat yang tinggi (min = 4.69, s.p. = 0.60), penyampaian maklumat jelas dan mudah difahami (min = 4.58, s.p. = 0.64), pensyarah memberi maklum balas yang baik sepanjang kursus berlangsung (min = 4.59, s.p. = 0.63), dan pensyarah mempunyai gaya pengajaran yang efektif (min = 4.58, s.p. = 0.64).

Secara keseluruhannya, reaksi responden terhadap KMPM berada pada tahap sangat tinggi (min = 4.42, s.p. = 0.64). Nilai sisihan piawai yang kecil menunjukkan taburan maklum balas (reaksi) responden terhadap aspek pengendalian kursus (rekabentuk dan penyampaian pensyarah) adalah kecil. Variasi yang kecil menunjukkan perbezaan pendapat yang kecil terhadap aspek pengendalian kursus.

Objektif Kajian 2

Mengenalpasti sama ada KMPM dapat membantu pemimpin sekolah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan memantau pencapaian murid

Jadual 11: Min dan Sisihan Piawai Pengetahuan dan Kefahaman Responden Sebelum dan Selepas KMPM

Aspek	Keadaan	Tahap Kepuasan Bilangan (%)					Min	N	s.p	Interpretasi Min- Tahap Pengetahuan dan Kefahaman
		1	2	3	4	5				
Dasar Memantau Pencapaian Murid	Sebelum		8 (7.3)	35 (31.8)	54 (49.1)	13 (11.8)	3.6 (5)	110	0.783	Tinggi
	Selepas				50 (45.5)	50 (45.5)	4.55	110	0.500	Sangat Tinggi
Konsep Memantau Pencapaian Murid	Sebelum	3 (2.7)	9 (8.2)	50 (45.5)	45 (40.9)	3 (2.7)	3.33	110	.799	Sederhana
	Selepas			3 (2.7)	56 (50.9)	51 (46.4)	4.44	110	.551	Sangat Tinggi
Petunjuk Prestasi Akademik Murid	Sebelum	1 (0.9)	12 (10.9)	51 (46.4)	41 (37.3)	5 (4.5)	3.34	110	.770	Sederhana
	Selepas			6 (5.5)	57 (51.8)	47 (42.7)	4.37	110	.588	Sangat Tinggi
Konsep Analisis Data	Sebelum		10 (9.1)	54 (49.1)	42 (38.2)	4 (3.6)	3.36	110	.700	Sederhana
	Selepas		1 (0.9)	4 (3.6)	59 (53.6)	46 (41.8)	4.36	110	.602	Sangat Tinggi
Pengetahuan Analisis Data	Sebelum		13 (11.8)	51 (46.4)	40 (36.4)	6 (5.5)	3.35	110	.761	Sederhana
	Selepas			6 (5.5)	58 (52.7)	46 (41.8)	4.36	110	.586	Sangat Tinggi

Jadual 11 menunjukkan empat daripada lima aspek pengetahuan dan kemahiran telah meningkat dari tahap sederhana ke tahap sangat tinggi selepas menghadiri KMPM. Empat aspek yang menunjukkan peningkatan adalah pengetahuan analisis data (min = 4.36, s.p. = 0.59), konsep memantau pencapaian murid (min = 4.44, s.p. = 0.55), konsep analisis data (min = 4.36, s.p. = 0.60), dan petunjuk prestasi akademik murid (min = 4.37, s.p. = 0.59).

Bagi aspek dasar memantau pencapaian murid, responden mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang tinggi sebelum menghadiri kursus dan bertambah ke tahap sangat tinggi selepas menghadiri kursus (min = 4.55, s.p. = 0.50).

Jadual 12: Ujian t-perbezaan Kefahaman dan Pengetahuan responden sebelum dan selepas menghadiri KMPM.

Konstruk		min	s.p	n	t	df	Sig(2 tailed)
Kefahaman dan Pengetahuan	sebelum	3.40	0.576	110	-15.67	109	.000
	selepas	4.41	0.56	110			.000

Jadual 12 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -15.67$, $p = 0.00$) bagi pengetahuan dan kefahaman responden sebelum dan selepas menghadiri KMPM. Secara keseluruhannya sebelum menghadiri KMPM, tahap pengetahuan dan pemahaman responden berada pada tahap sederhana (min = 3.40) dan meningkat ke tahap sangat tinggi (min = 4.41) selepas menghadiri kursus.

Objektif Kajian ke 3

Mengenal pasti sama ada KMPM dapat membantu pengurus sekolah meningkatkan kemahiran sendiri dalam amalan memantau pencapaian murid

Selain daripada mendapat ilmu pengetahuan dan kefahaman, peserta kursus juga didedahkan dengan sesi amali bagi meningkatkan kemahiran dalam memantau

pencapaian murid. Aspek-aspek yang dilihat adalah berkait dengan strategi untuk meningkatkan kecemerlangan akademik murid.

Jadual 13: Min dan Sisihan Piawai Kemahiran Kendiri Responden Sebelum dan Selepas Menghadiri KMPM

Aspek	Keadaan	Skala kepuasan hati					Min	N	s.p.	Intepretasi min-Tahap Kemahiran
		Bil (%)								
		1	2	3	4	5				
Strategi meningkatkan kecemerlangan kurikulum	Sebelum		9 (8.2)	48 (43.6)	50 (45.5)	3 (2.7)	3.43	110	0.683	Sederhana
	Selepas			3 (2.7)	60 (54.5)	47 (42.7)	4.40	110	0.545	S.Tinggi
Teknik dan langkah mengatasi masalah akademik murid	Sebelum		9 (8.2)	53 (48.2)	46 (41.8)	2 (1.8)	3.37	110	0.662	Sederhana
	Selepas			2 (1.8)	62 (56.4)	46 (41.8)	4.40	110	0.528	S. Tinggi
Penetapan Sasaran Pencapaian murid	Sebelum		8 (7.3)	48 (43.6)	50 (45.5)	4 (3.6)	3.45	110	0.686	Sederhana
	Selepas				67 (60.9)	43 (39.1)	4.39	110	0.490	S.Tinggi
Pelan Tindakan Untuk Peningkatan Prestasi Murid	Sebelum		12 (10.9)	48 (43.6)	48 (43.6)	2 (1.8)	3.36	110	0.700	Sederhana
	Selepas			3 (2.7)	63 (57.3)	44 (40.0)	4.37	110	0.539	S. Tinggi
Mengerakkan Program Berkesan	Sebelum		11 (10.0)	47 (42.7)	49 (44.5)	3 (2.7)	3.40	110	0.706	Sederhana
	Selepas			3 (2.7)	54 (49.1)	53 (48.2)	4.45	110	0.552	S. Tinggi

Jadual 13 menunjukkan peningkatan dari tahap sederhana ke tahap sangat tinggi untuk kesemua aspek kemahiran sendiri. Aspek-aspek tersebut adalah kemahiran sendiri dalam merangka strategi bagi meningkatkan kecemerlangan kurikulum (min = 4.40, s.p. = 0.55), kemahiran sendiri dalam mengguna teknik dan langkah mengatasi masalah (min = 4.40, s.p. = 0.53), kemahiran sendiri dalam menetapkan

sasaran pencapaian pelajar tinggi (min = 4.39, s.p. = 0.49), kemahiran sendiri dalam melakar pelan tindakan untuk meningkatkan prestasi murid (min = 4.37, s.p. = 0.54), dan kemahiran sendiri untuk mengerakkan program berkesan (min = 4.45, s.p. = 0.55)

Jadual 14: Ujian t-perbezaan kemahiran sendiri responden sebelum dan selepas menghadiri KMPM

Konstruk		min	s.p	n	t	df	Sig (2 tailed)
Kemahiran Kendiri	sebelum	3.40	0.687	109	-17.841	109	0.00
	selepas	4.40	0.503	109			

Jadual 14 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -17.841$, $p = 0.00$) bagi kemahiran sendiri responden sebelum dan selepas menghadiri KMPM. Secara keseluruhannya, kemahiran sendiri responden sebelum menghadiri KMPM berada pada tahap sederhana (min = 3.40, s.p. = 0.69), dan meningkat ke tahap sangat tinggi (min = 4.40, s.p. = 0.50) selepas menghadiri kursus.

BAHAGIAN C: ANALISIS SOALAN TERBUKA


Objektif Kajian 4: Mengenalpasti kekuatan kursus serta cadangan penambahbaikan terhadap kandungan, aktiviti serta penyampaian kursus.

Jadual 15: Jawapan Peserta terhadap soalan tentang kekuatan kursus

Item	Jumlah Responden	Peratus (%)
Kandungan kursus menepati matlamat memantau pencapaian murid	81	72.71
Meningkatkan keyakinan dalam melaksanakan MPM di sekolah	12	10.91
Teknik dan kaedah penyampaian ceramah yang jelas dan mudah difahami	9	8.18
Tiada respons	8	7.27
JUMLAH	110	100

Soalan terbuka bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang kekuatan kursus serta cadangan penambahbaikan terhadap kandungan, aktiviti serta penyampaian kursus.

Jadual 15 menunjukkan maklum balas terhadap kekuatan kursus. Didapati daripada 110 orang responden, 80 orang (72.73%) telah menyatakan bahawa kekuatan kursus adalah terletak pada kandungan kursus yang menepati objektif kursus. Seramai 12 orang responden (10.91%) telah menyatakan bahawa kekuatan kursus adalah ia telah dapat meningkatkan keyakinan mereka dalam melaksanakan KMPM di sekolah. Seramai 19 orang responden (8.18%) pula menyatakan bahawa kekuatan kursus KMPM terletak pada teknik dan juga kaedah penyampaian yang pelbagai dan mudah difahami. Hanya seorang responden (0.99%) menyatakan tempat dan masa yang sesuai adalah kekuatan kursus ini. Lapan orang responden (7.27%) tidak memberikan sebarang maklum balas.




a. Penambahbaikan untuk kandungan Kursus

Jadual 16 (a): Respons Terhadap Cadangan Penambahbaikan Kandungan Kursus

Item	Jumlah Responden	Peratus(%)
------	------------------	------------

Baik/ sangat baik	27	25.55
Bahan kursus dan aktiviti perlu dipelbagaikan	22	20.02
Masa terhad	13	11.82
Lain-lain	7	6.37
Tiada respon	41	27.27
JUMLAH	110	100




Jadual 16 (a,b,c) memaparkan respon untuk penambahbaikkan KMPM. Tiga soalan di bahagian C dibahagikan kepada cadangan penambahbaikkan kandungan kursus, aktiviti dan penyampaian kursus. Untuk kandungan kursus (Jadual 16a), 27 orang responden (25.55%) menyatakan kursus telah dijalankan dengan baik. 22 orang responden (15.45%) mencadangkan agar bahan mengajar dan aktiviti kursus dipelbagaikan. 13 orang responden (11.82%) mencadangkan agar masa kursus ditambah dan 7 orang responden memberi jawapan lain-lain (6.37%). 41 orang responden (27.27%) tidak memberikan sebarang maklum balas.

b. Aktiviti kursus

Jadual 16 (b): Respons Terhadap Cadangan Penambahbaikan Aktiviti Kursus

Jawapan	Jumlah Responden	Peratus (%)
Aktiviti Kursus baik	35	31.85
Pelbagaikan aktiviti	25	22.75
Lebihkan masa perbengkelan	12	10.91
Masa tidak mencukupi	12	10.92
Lain-lain	4	3.64
Tiada respons	22	20.02
JUMLAH	110	100




Jadual 16(b) menunjukkan 35 orang responden (31.85%) memberikan maklum balas bahawa aktiviti kursus baik dan menepati matlamat kursus. 25 orang responden (22.75%) mencadangkan agar aktiviti kursus dipelbagaikan. 12 orang responden (10.91%) mencadangkan agar masa perbengkelan ditambah, sementara 12 orang responden menyatakan bahawa masa untuk aktiviti tidak mencukupi. 4 orang responden (3.64%) memberikan maklum balas lain-lain. 22 orang responden (20.02%) tidak memberikan sebarang maklum balas.

c. Penyampaian kursus

Jadual 16(c): Jawapan Terbuka Bagi Penambahbaikan dari Segi Penyampaian Kursus

Jawapan	Jumlah respondens	Peratus (%)
Sangat baik	87	79.09

Lain-lain	4	12.25
Tiada respons	18	16.36
JUMLAH	110	100



Jadual 16(c) menunjukkan 87 orang responden (79.09%) menyatakan bahawa penyampaian pensyarah adalah baik dan tidak memerlukan apa-apa penambahbaikan. 4 orang responden (12.25%) memberikan lain-lain cadangan. 18 orang responden (16.36%) tidak memberi sebarang maklum balas.

BAHAGIAN E

Rumusan dan Cadangan

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan dalam pengetahuan dan kefahaman responden selepas menghadiri kursus.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa antara kekuatan kursus adalah kandungan kursus yang menepati objektif, mampu meningkatkan keyakinan peserta dalam melaksanakan pemantauan pencapaian murid di sekolah, dan kaedah

penyampaian yang jelas dan mudah difahami. Terdapat cadangan responden bagi mempelbagaikan bahan dan aktiviti kursus, tempoh masa kursus dipanjangkan.

Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum perlu mengkaji semula isi kandungan modul yang berfokus kepada kehendak perubahan semasa. Pemantauan pencapaian murid perlulah dilakukan secara berterusan iaitu melihat pencapaian murid semasa pembelajaran dalam bilik darjah (penilaian formatif) dan juga pencapaian murid diakhir sesi pembelajaran (penilaian sumatif). Kaedah *headcount* masih lagi sesuai dalam situasi baharu ini kerana dalam konsep *headcount*, setiap guru yang mengajar perlu mengubahsuai kaedah pengajarannya mengikut tahap pencapaian murid untuk mencapai keputusan seperti yang diunjurkan.

Adalah menjadi harapan Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum (JPKK) khususnya dan Institut Aminuddin Baki amnya bahawa kursus-kursus yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akan mendapat membantu pemimpin-pemimpin sekolah mengurus sekolah dengan lebih berkesan. Sebagai pemimpin instruksional, memantau pencapaian murid adalah antara tanggungjawab yang perlu dijadikan amalan utama kerana kecekapan seseorang pemimpin instruksional dapat mempengaruhi pencapaian murid (Marzano, 2006).

Bagi kajian akan datang, JPKK merancang untuk melihat keberkesanan kursus dari aspek peningkatan pencapaian akademik murid hasil dari perubahan positif tingkah laku pemimpin sekolah yang telah mengikuti KMPM, perubahan tingkah laku guru mengajar dan perubahan budaya pembelajaran keseluruhan sekolah. Saranan ini bertepatan dengan pendapat Kirkpatrick (2003) yang menyatakan keberkesanan sesuatu latihan diukur melalui kesan terhadap organisasinya.

Senarai Rujukan

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran

Malaysia (2005)

Boverie, P., Mulcahy, D.S., and Zondlo, J.A.,
Evaluating the Effectiveness of Training Programs

<http://odon.3x.ro/dan/hale.pepperdine.edu/~cscunha/Pages/KIRK.HTM>

Croes, S. (2005) *Evaluation of Kirkpatrick's Model*, www.Masterminds-ink.com

Endres, G.J., & Kleiner, B.H. (1990). *How to measure management training and development effectiveness*. European Journal of Training and Development, 14(9), 3-7.

Institut Aminuddin Baki (2006) *Standard Kompetensi Kepengetuan Sekolah Malaysia*

Kirkpatrick, D.L. (1979). *Techniques for evaluating training programs*. Training and Development Journal, 33(6), 78-92.

Kirkpatrick, D.L. (2003). *Evaluating Training Programs the Four Levels*. San Francisco Berrett-Koehler

Marsh, J.A., Pane J.F., Hamilton, L.S., (2006). *Making Sense Of Data-Driven Decision Making in Education*.

http://www.rand.org/pubs/occasional_papers/OP170.html

Marzano, R.J., Waters, T., & McNulty, B.A. (2005). *School Leadership that works: From research to results*. Alexandria, VA: Association for Supervision And Curriculum Development.

Marzano, R. J. (2006) *Classroom Assessment and Grading that works*. Association for Supervision and Curriculum Development.

NKRA Pendidikan <http://nkrapendidikan.moe.gov.my/>

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia (2005)

Boverie, P., Mulcahy, D.S., and Zondlo, J.A.,
Evaluating the Effectiveness of Training Programs
<http://odon.3x.ro/dan/hale.pepperdine.edu/~cscunha/Pages/KIRK.HTM>

Croes, S. (2005) *Evaluation of Kirkpatrick's Model*, www.Masterminds-ink.com

Endres, G.J., & Kleiner, B.H. (1990). *How to measure management training and development effectiveness*. European Journal of Training and Development, 14(9), 3-7.

Institut Aminuddin Baki (2006) *Standard Kompetensi Keperguruan Sekolah Malaysia*

Kirkpatrick, D.L. (1979). *Techniques for evaluating training programs*. Training and Development Journal, 33(6), 78-92.

Kirkpatrick,D.L.(2003).*Evaluating Training Programs the Four Levels*. San Francisco Berrett-Koehler

Marsh,J.A., Pane J.F., Hamilton,L.S., (2006). *Making Sense Of Data-Driven Decision Making in Education*.
http://www.rand.org/pubs/occasional_papers/OP170.html

Marzano, R.J.,Waters,T.,& McNulty,B.A.(2005). *School Leadership that works:From research to results*. Alexandria,VA:Association for Supervision And Curriculum Development.

Marzano, R. J. (2006) *Classroom Assessment and Grading that works*. Association for Supervision and Curriculum Development.

NKRA Pendidikan <http://nkrapendidikan.moe.gov.my/>

Instrumen Kajian